

Protes pengundi terhadap kegagalan tangani isu setempat, nasional punca PH kalah

- Isu tempatan seperti bekalan air terputus, peningkatan harga, banjir, kesesakan serta kualiti jalan raya, pencemaran sektor ternakan, pembinaan sekolah dan masjid/surau menyebabkan pengundi pilih PN

- Kempen PH kurang menyentuh emosi penduduk dan lebih defensif hingga pengundi Melayu berani membuat keputusan tidak mengundi calon Kerajaan Perpaduan, memudahkan PN menyerang secara ofensif



Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Pengundi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap sudah bersuara, kelmarin dengan memilih parti sama yang memenangi kerusi itu pada Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023, iaitu Perikatan Nasional (PN).

Ini membolehkan calon PN, Abidin Ismail terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dengan mengalahkan calon Pakatan Harapan (PH), iaitu Dr Joohari Ariffin.

Persoalan menarik dinilai adalah bagaimanakah PN boleh mengekalkan kerusi Sungai Bakap ketika ber-

hadapan dua keadaan biasanya akan memenangi calon PH pada pilihan raya sebelum ini?

Pertama, jentera Kerajaan Perpaduan pada peringkat Persekutuan dan negeri turun membantu kempen calon PH, manakala kedua, calon PH jauh lebih berpendidikan berbanding PN.

Tertanya dalam kalangan penganalisis politik, antara persoalan untuk dikaji adakah trend pengundi, terutama orang Melayu sekarang boleh menerima calon tidak atau kurang berpendidikan mewakili mereka berbanding berpendidikan tinggi?

Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu melihat keputusan PRK DUN Sungai Bakap secara holistik bagi mengetahui kedudukan keseluruhan dan sebab-musabab kekalahan PH serta kemenangan PN ini.

Berdasarkan keputusan PRK DUN Sungai Bakap, PN memperoleh 14,554 undi berbanding 10,285 undi diterima PH dengan majoriti 4,269 undi. Jumlah keluar mengundi adalah 63 peratus, bermakna terdapat 14,440 pengundi atau 37 peratus yang layak tidak menunaikan tanggungjawab keluar mengundi.

Apa menarik, kedua-dua parti juga menunjukkan kemerosotan undi kerana pada PRN 2023, jumlah keluar mengundi lebih tinggi, iaitu 76 peratus.

PRU 2023 menyaksikan PN memperoleh 15,433, iaitu merosot 993 undi, manakala PH menerima 13,870 atau menurun 3,585 undi, sekali gus jelas kemerosotan 13 peratus jumlah keluar mengundi memberi impak lebih besar kepada PH berbanding PN.

Mengambil kira jumlah keluar mengundi mengikut kaum, pengundi Melayu adalah 59 peratus atau 23,253 pengundi daripada jumlah keseluruhan 39,279 pengundi.

Daripada jumlah itu, 70 peratus atau 16,277 pe-

ngundi Melayu keluar mengundi dengan 79 peratus atau 12,776 orang memberikan undi kepada PN, sementara pengundi Cina keseluruhan adalah 8,838 pengundi (22.5 peratus).

Pada PRN lalu, 90 peratus undi pengundi Cina di Sungai Bakap atau 3,656 undi pergi kepada calon PH, tetapi pada PRK kali ini hanya 47 peratus atau 4,154 pengundi Cina keluar mengundi.

Pengundi India merangkumi 17.4 peratus atau 6,834 pengundi, tetapi hanya 58 peratus (3,964 pengundi) keluar mengundi. Daripada jumlah itu, 65 peratus atau 2,520 undi diberikan kepada PH.

Hanya 406 undi atau 10 peratus pengundi Cina dan 1,357 undi (35 peratus) pengundi India memberikan sokongan kepada calon PN. Jelas sekali, kekalahan PH disebabkan jumlah pengundi Melayu besar mengundi calon PN diikuti pengundi Cina kurang keluar mengundi dan kadar keluar pengundi India rendah, tetapi terdapat jumlah signifikan mengundi calon PN.

Faktor jentera, calon bukan kriteria penting

Melihat data itu, jelas faktor jentera dan calon bukan kriteria penting menentukan kemenangan PN, sebaliknya faktor parti diberikan perkiraan pengundi untuk memenangi calon PN.

Namun, apakah faktor isu yang dijadikan kriteria utama menyebabkan pengundi memilih PN? Secara umum, pemerhatian saya di Sungai Bakap jelas sekali terdapat dua segmen isu, iaitu bersifat nasional dan tempatan.

Namun, jelas pada PRK DUN Sungai Bakap ini, isu tempatan mendominasi perbincangan, iaitu bekalan air terputus, peningkatan harga, banjir, kesesakan serta kualiti jalan raya, lalat terhasil daripada sektor ternakan di situ dan pembinaan sekolah serta masjid/surau.

Isu nasional pula seperti harga diesel mahal, BlackRock dan Palestin serta kritikan kepada pimpinan nasional seperti Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, termasuk kerjasama UM-NO-DAP yang digelar UMDAP. Bagaimanapun, isu nasional kurang diberikan perhatian penduduk Sungai Bakap.

Namun, rumusan kepada keseluruhan isu berbangkit dan sama ada pemilihan PN disebabkan isu ini, jawapannya adalah ya. Sokongan pengundi kepada PN bukan kerana menyukai PN, namun satu bentuk protes kepada Kerajaan Perpaduan disebabkan gagal menyelesaikan beberapa isu setempat ser-

ta nasional yang dilihat menjadi perhatian utama rakyat.

Pengundi Melayu terutamanya berani membuat keputusan tidak mengundi calon Kerajaan Perpaduan dan masih kurang yakin dalam melihat dasar serta agenda pelaksanaan polisi Kerajaan Perpaduan sama ada mampu memberikan kebaikan umum kepada mereka.

Strategi berkempen PN juga dilihat sangat mudah dengan hanya menggunakan sentimen rakyat untuk menyerang secara ofensif Kerajaan Perpaduan da-

lam pelbagai isu. Strategi berkempen Kerajaan Perpaduan juga bertambah baik dengan jentera PH dan Barisan Nasional saling bekerjasama. Namun, mereka terpaksa berhadapan secara defensif daripada sebarang serangan PN.

Cuma, dapat dirumuskan strategi Kerajaan Perpaduan masih kurang menyentuh emosi penduduk Sungai Bakap untuk menarik mereka mengundi calon PH.

Yang pasti jentera PN bermain emosi masyarakat setempat bagi membolehkan untuk memenangi jiwa dan minda pengundi Sungai Bakap. Semua parti melancarkan kempen rumah ke rumah, ceramah berkelompok dan umum serta penggunaan media khususnya media sosial secara efektif.

Jelas, Kerajaan Perpaduan terpaksa berhadapan dengan rakyat di Sungai Bakap dalam keadaan sukar. Kerajaan sedang menyusun semula ekonomi dan melancarkan pembaharuan mungkin dilihat tidak popular dalam kalangan rakyat seperti penya-saran subsidi yang hakikatnya baik untuk masa depan negara.

Malaysia tidak mampu lagi menyediakan subsidi diperoleh semua termasuk warga asing, namun dilaksanakan secara bersasar kepada individu layak dan memerlukannya.

Sebenarnya Kerajaan Perpaduan berada di atas landasan betul memulihkan ekonomi dan pendapatan rakyat. Kekalahan di Sungai Bakap sebenarnya cerminan rakyat masih tidak merasai kebaikan dirancang kerajaan kerana belum berlaku hari ini, tetapi 2 hingga 3 tahun akan datang.

Namun, kerajaan perlu mengambil iktibar dengan merancang penambahbaikan untuk memenangi minda dan jiwa rakyat, khususnya orang Melayu yang masih sangat beremosi dalam membuat keputusan politik dalam pilihan raya.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

